



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[IMPLEMENTATION OF ARTS POLICY IN THE STATE OF KELANTAN FROM
1990 TO 2015: ANALYSIS ACCORDING TO SIAHAH SYAR'IIYAH]**

**PELAKSANAAN DASAR KESENIAN DI NEGERI KELANTAN DARI TAHUN 1990
HINGGA 2015: ANALISIS MENURUT SIAHAH SYAR'IIYAH**

MOHD ASRI CHE IBRAHIM¹
SHUKERI BIN IBRAHIM^{2*}

¹ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru
Kampus Kota Bharu, Kelantan

³ Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilai Puri, Kelantan

*Corresponding author: shukeri@um.edu.my

Received Date: 9 Januari 2018 • Accepted Date: 9 Mei 2018

Abstract

This study was conducted to determine the actual position of political syar'iiyah from the perspective of Islam and its practices in the context of the state of Kelantan, especially in the field of art and entertainment. The study also followed up with the state government and police of the arts, as well as reforms carried out from 1990 to 2015. The focus of this research focuses on the application of the basic arts and entertainment through the enforcement of the Control of Entertainment and Places of Entertainment 1998, Cultural Performance Guidelines (entertainment) Act 1998 and Control of Entertainment Enactment 2003, which became the main purpose of the exercise of political syar'iiyah. Analysis carried out on the action and reform the state government to the arts by syar'iiyah political perspective. The study employs a library and analysis of official documents such as circulars, news, enactment and guidelines issued by the state government. The study found that ijihad and reforms undertaken during the period managed to bring about change and give the benefit to the community in Kelantan. It is hoped that this study can contribute to the enrichment of the cultural heritage of the Malay Muslims in accordance with the tenets and formation syar'iiyah political capital of the arts and entertainment that coincide with Islamic law. We hope this study will help art researchers in the future.

Keywords: *Siasah Syar'iiyah, arts, policy, Kelantan, Entertainment.*

Abstrak

Artikel ini bertujuan membincangkan konsep siasah syar'iiyah, sejarah perkembangan kesenian, polisi kerajaan Kelantan terhadap siasah syar'iiyah dan pelaksanaannya di negeri Kelantan. Secara khusus, fokus kajian ini dilakukan bermula semasa pemerintahan TGNA pada tahun 1990 sehingga sekarang. Kajian berbentuk analisis dokumen ini bersandar kepada pemerhatian terhadap dokumen rasmi kerajaan seperti surat pekeliling, warta, enakmen dan garis panduan

yang dikeluarkan oleh kerajaan Kelantan. Selain itu, data-data kajian juga turut disokong oleh pelbagai literatur lain seperti buku-buku ilmiah serta wacana-wacana ilmiah yang berkaitan. Hasil kajian mendapati tindakan dan pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan Kelantan dalam bidang siasah syar'iyah adalah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta ijtihad. Terdapat beberapa pembaharuan yang dianggap sebagai pra syarat untuk mengadakan sesuatu persembahan kesenian serta beberapa contoh perubahan dalam kesenian yang dipersembahkan di Kelantan selepas tahun 1990 hingga sekarang telah menunjukkan perubahan yang sangat ketara. Pelaksanaan dasar kesenian dan hiburan ini berjaya memberi kemaslahatan kepada rakyat, dan dalam masa yang sama ia juga berjaya mempertahankan beberapa nilai kesenian lama yang tidak bertentangan dengan Islam. Selain itu terdapat juga beberapa persembahan kesenian yang diberi roh Islam dari sudut pelaksanaannya untuk menjadi santapan hiburan terhadap masyarakat. Kajian ini menyumbang kepada pengkayaan khazanah seni dan hiburan Islam, menjadi model terhadap pelaksanaan hiburan dan selain itu ia dapat membantu para pengkaji seni untuk menambahkan ilmu dalam bidang kesenian Islam.

Kata kunci: kesenian, hiburan, enakmen, ijtihad dan masalah

Cite as: Mohd Asri Che Ibrahim & Shukeri Mohamad. 2018. Pelaksanaan Dasar Kesenian di Negeri Kelantan dari Tahun 1990 hingga 2015: Analisis Menurut Siasah Syar'iyah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17(1): 87-102

PENGENALAN

Islam supaya mereka taat kepada Allah. Kita dapati bahawa siasah syar'iyah merupakan suatu kaedah pemerintahan yang dibenarkan oleh Allah s.w.t. kepada pimpinan Negara-negara Islam yang menjadikan al-Qur'an dan Sunnah sebagai perlembagaannya. Ia wujud semasa Kerajaan Islam yang pertama di Madinah al-Munawwarah yang dipimpin sendiri oleh Baginda SAW. Kaedah pemerintahan ini telah diterima pakai pada zaman pemerintahan para khalifah al-Rasyidin dan zaman selepasnya. Sebagaimana yang kita tahu bahawa pemerintahan hanyalah wasilah bukannya matlamat iaitu wasilah untuk menegakkan perintah Allah dan melaksanakan amanahnya bagi membawa rahmat ke seluruh alam. Berdasarkan demikian, maka siasah syar'iyah merupakan wasilah untuk melaksanakan perintah Allah di muka bumi ini.

Metodologi siasah syar'iyah yang menjadi landasan dan sandaran dalam sebarang tindakan pemerintahan negara, menjadikan hukum Islam berkembang pesat dan kaya dengan kaedah penyelesaian kepada berbagai persoalan semasa. Khazanah hukum Islam juga telah banyak memberi sumbangan kepada siasah syar'iyah terutamanya dalam perkembangan hukum Islam. Dengan demikian, topik perbincangan tentang siasah syar'iyah dalam kalangan para fuqaha' ialah mengenai sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan dalam mengurus sesebuah negara bertepatan dengan asas-asas agama bagi menjamin tercapainya kemaslahatan untuk manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan dunia dan akhirat ('Abd al-Wahab Khallaf, 1987).

KONSEP KESENIAN DAN SIAHAH SYAR'IIYAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Mengikut Kamus Dewan, seni bermaksud sesuatu karya sama ada sajak, muzik yang dicipta dengan bakat kecekapan ataupun hasil daripada sesuatu ciptaan (Kamus Dewan, 2000). Seni juga didefinisikan sebagai sesuatu yang bersifat abstrak, dapat dipandang, didengar dan disentuh oleh jiwa tetapi tidak dapat dinyatakan melalui kata-kata dan bahasa. Dalam penggunaan semasa seni didefinisikan sebagai sesuatu kriteria yang estetika dan ia meliputi kesusasteraan, muzik, drama, lukisan, binaan, bangunan dan ukiran (Abdul Rahman, 2006). Menurut Drs. Sidi Gazalba (1983) kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semula jadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera yang lima. Malah manusia juga dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat, memuaskan dan memberi kepuasan melalui pancaindera rasa.

Mengikut pandangan Barat, seni tiada hubungan dengan agama. Hal ini demikian kerana mereka mengamalkan dasar pengasingan antara perkara dunia atau pemerintahan dengan urusan agama (Wan Ismail, 1999). Walau bagaimanapun, seni masih dianggap sebagai sesuatu yang ideal dan mempunyai hubung kait dengan moral. Seni juga boleh dibahagikan kepada dua bahagian dengan dua tujuan iaitu seni untuk seni dan seni untuk masyarakat. Seni untuk seni tujuannya hanya untuk berseni sahaja dan orang yang mencipta seni ini bebas dengan tujuan masing-masing sama ada ia mengandungi unsur baik atau jahat. Manakala seni untuk masyarakat pula mempunyai tujuan tertentu. Malah ia mestilah difahami oleh masyarakat berkenaan sama ada berkaitan dengan kemasyarakatan, politik dan akhlak. Kesenian merupakan sebahagian daripada kebudayaan, manakala agama Islam pula mengandungi unsur-unsur kebudayaan. Dengan itu, kesenian adalah sebahagian daripada Islam. Malah Islam juga diturunkan mengikut fitrah, naluri atau keperluan asas manusia yang ingin kepada keselamatan dan kesenangan. Para ulama telah memberi pelbagai takrif tentang siasah syar'iiyah, antaranya ialah:

Pertama:

Ibnu 'Aqil mengungkapkan siasah syar'iiyah sebagai "Siasah Syar'iiyah ialah apa-apa tindakan (kerajaan) yang membawa manusia kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada keburukan, sekalipun ianya tidak ditetapkan oleh Rasulullah dan tidak terdapat dalam wahyu yang diturunkan (Abd al-Rahman Taj, 1415H).

Kedua:

Sementara Ibnu Nujaim pula mentakrifkan sebagai "Sesuatu tindakan yang diambil oleh pemerintah, yang pada pandangannya boleh menjaga kepentingan umum, sekalipun tidak terdapat dalil yang khusus mengenainya" (Ibn Nujaim, t.th). siasah

Berdasarkan kepada pengertian di atas, boleh simpulkan bahawa siasah syar'iiyah sebagai metod atau kaedah pemerintahan negara (Shukeri, 2009). Ia bermaksud mengendalikan urusan pemerintahan negara mengikut landasan syarak, sama ada berpandukan al-Qur'an, al-Sunnah atau ijtihad bagi menjamin kepentingan rakyat (Shukeri, 2009). Malah merangkumi

seluruh aspek pemerintahan negara seperti politik, pentadbiran, kewangan, kemasyarakatan dan sebagainya.

SEJARAH PERKEMBANGAN KESENIAN DI NEGERI KELANTAN

Kelantan merupakan negeri yang berjiran dengan wilayah-wilayah selatan Thailand yang dikenali dahulu sebagai Negeri Patani Darul Salam. Dari segi sejarah, Kelantan mempunyai hubungan sejarah yang sangat akrab dengan Kesultanan Melayu Patani. Ia didokongi oleh Kesultanan Melayu Islam yang mempunyai pertalian darah dengan Kesultanan Melayu Patani dan juga Kesultanan Melayu Negeri Champa (Nik Mohamed, 1985). Setelah Kesultanan Melayu Patani dikhianati oleh Siam dan British, ia telah didominasi oleh Thailand. Negeri Patani telah dipecahkan kepada wilayah-wilayah kecil yang terdiri daripada Yala (Jala), Narathiwat (Menara), Patani dan Songkla (Senggora). Di bawah perjanjian British-Siam pada tahun 1948, geografi pemerintahan selatan Siam telah dipisahkan (Alias, 1977). Kelantan diletakkan di bawah Kerajaan Malaysia manakala negeri Patani di bawah Kerajaan Thailand. Negeri Kelantan Darul Naim mempunyai pelbagai keunikan dan sejarahnya yang tersendiri.

Antara keunikan Kelantan ialah melahirkan tokoh-tokoh yang terkenal sama ada dalam bidang politik, sasterawan, budayawan, seni ukir kayu dan juga tokoh-tokoh agama (Alias, 1984). Kelantan juga terkenal dengan negeri yang mempunyai pelbagai hobi dan nilai seni yang tinggi (Berita Harian, 2011, 11 Mei). Oleh kerana negeri Kelantan berjiran dengan Siam, malah menjadi pusat perkembangan ilmu Islam pada abad ke 19, maka berlakulah percampuran amalan Kesenian antara Melayu, Siam, Aceh dan Islam sehingga menghasilkan permainan rakyat seperti wayang kulit, mak yong, main puteri, menora dan dikir Barat.

a. Wayang Kulit

Terdapat dua jenis wayang kulit di Kelantan, iaitu Wayang Siam dan Wayang Melayu. Wayang Siam mempunyai pengaruh Siam, manakala Wayang Melayu mempunyai pengaruh Jawa (Hindu) (Frits, 1959). Antara kedua wayang ini, Wayang Melayu adalah yang paling terkenal (Hassan Othman, 2004). Sebelum pertunjukan wayang kulit dimulakan, suatu upacara kenduri untuk menyembah guru halus dilakukan, sebagai suatu acara untuk membuka panggung. Upacara ini memerlukan peralatan seperti beras pulut, pulut kunyit, telur ayam, bertih, benang, dua tapak sireh pinang (satu untuk guru dan satu lagi untuk upacara kenduri tersebut), rokok daun, kemenyan, tepung dadar tawar dan buah keras (Mohamed Ghouse Nasruddin, 2009; Ghulan Sarwar Yousof, 1999). Sebidang kain putih yang dikenali sebagai 'kelir' digunakan sebagai layar. Cerita yang dibawa oleh Tuk Dalang yang mengetuai persembahan itu biasanya diambil dari epik Hindu yang terkenal, iaitu Ramayana dan Mahabrata. Ramayana dihasilkan oleh Valmiki dan mengandungi 24000 seloka. Epik ini dihasilkan antara tahun 200 S.M hingga 200M. Ia merupakan karya sejarah. Epik ini juga mengandungi unsur-unsur mitos, legenda, dan dongeng. Karya ini juga dianggap Dharmasastra kerana ia mengandungi prinsip-prinsip abadi (sanatana dharma). Ia juga mengandungi ketatanegaraan, pentadbiran, etika peperangan, nilai-nilai etika dan moral. Patung-patung yang dicipta adalah mewakili watak-watak penting dalam epik tersebut. Walau bagaimanapun, kadang-kadang ada juga Tuk Dalang menyanyikan lagu mengikut peristiwa dan keadaan semasa.

b. Mak Yong

Mak yong berasal daripada kerajaan Melayu lama Patani yang sudah menjadi sebahagian negara Thailand Selatan (Mohamad Ghouse Nasuruddin, 2009). Dalam Hikayat Patani, cerita 19, dijelaskan bahawa makyong dibawa ke Kelantan lebih kurang 200 tahun dahulu, dan dari sana dibawa ke Kedah (Teew, A & Wyatt, D.K., 1970). Selepas kemangkatan Sultan Mohamed IV pada tahun 1920, makyong dipindahkan daripada persembahan istana kepada persembahan rakyat (Mohamad Ghouse Nasuruddin, 2009). Makyong telah digambarkan sebagai taridra Melayu yang menggabungkan drama romantik, gerak tari, nyanyian dan komedi. Ia biasanya dimainkan oleh gadis-gadis jelita yang beraksi sebagai lelaki dan wanita (Anuar Din, 2008). Tukang lawak sahaja yang dimainkan oleh orang lelaki. Persembahan ini biasanya berjalan selama lebih dua jam dengan diiringi muzik rebab, gendang dan tawak-tawak (gong), sementara ceritanya pula berkisar pada kisah percintaan antara puteri raja pada zaman dahulu (Zakaria, 1990).

c. Main Puteri

Main Puteri adalah merupakan salah satu permainan tradisi dalam kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan. Kebiasaannya permainan Main Teri adalah bertujuan pengubatan semangat dan kejiwaan yang digunakan dalam masyarakat Melayu Kelantan-Pattani atau lebih dikenali pesakit angin / 'pelepas angin' yang dihadapi oleh pesakit. Upacara Main Puteri dianggotai oleh dua watak utama iaitu Tuan Puteri dan Tok Minduk yang bermain rebab dan diiringi oleh paluan gendang ibu dan anak. Sebelum majlis dimulakan, ia dimulai dengan bacaan doa selamat yang menampilkan Tok Puteri mempersiapkan diri sambil membaca doa tertentu manakala Tok Minduk yang dibantu oleh anggota oleh 10 atau 11 orang anggota akan mengiring main puteri dengan iringan tiupan serunai dan pukulan rebab, gendang ibu, gendang anak, gedombak ibu, gedombak anak, tetawak dan canang, sebelum bertih dan beras kunyit ditabur di ke empat penjuru ruang. Kebiasaannya rawatan diadakan pada sebelah malam, ada kalanya dalam tempoh dua atau tiga jam, malah berlarutan hingga pagi (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 1994).

Main puteri masih lagi diamalkan dalam kalangan masyarakat kampung di Kelantan, Terengganu dan Selatan Thai (Mohd Fadli, 2011). Kepercayaan animisme atau kepercayaan kepada makhluk halus dan roh dipercayai merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula muncul dalam kalangan manusia primitif purbakala. Kepercayaan animisme ialah satu kepercayaan setiap benda di bumi ini (seperti kawasan tertentu, gua, pokok atau batu besar) mempunyai semangat yang mesti dihormati agar semangat tersebut tidak mengganggu manusia, malah membantu mereka dari semangat dan roh jahat dan juga dalam kehidupan seharian mereka. Semangat ini juga dikenali dengan pelbagai nama, antaranya jin, mambang, roh, datuk, tuan dan penunggu. Kadang-kala semangat ini juga dianggap roh orang yang telah meninggal yang kini menetap di tempat sedemikian (Zakaria, 1990).

d. Menora

Menora juga merupakan persembahan taridra yang melibatkan tarian, lakonan, nyanyian dan lawak jenaka. Tarian menora ditarikan oleh watak-watak iaitu Pak Sidul sebagai watak utama, Pak Tolol, penari-penari dan pemuzik. Sebagaimana persembahan mak yong, menora juga merupakan persembahan taridra yang melibatkan tarian, lakonan, nyanyian dan lawak jenaka. Tarian menora ditarikan oleh pemakai Pak Sidul sebagai watak utama, Pak Tolol, penari-penari dan pemuzik. Penari-penarinya memakai pakaian yang dinamakan ceropong, iaitu mahkota yang dipakai di atas kepala dan bentuknya sama dengan bentuk piramid atau 'kun'. Bajunya bersayap, dihiasi dengan manik, ada ekor dan sayap sandang. Beberapa geleng perak dan tembaga dipakai di tangan, dan di hujung jari dipakai cerangai, iaitu seakan-akan kuku Panjang (Pusat Kajian Strategik Negeri, 2000). Acara 'buka panggung' ini dilakukan dengan upacara pemujaan dan jampi serapah oleh seorang ketua dengan dibantu oleh penolongnya (Ghulan Sarwar Yousof, 1999). Bahasa yang digunakan ialah bahasa Siam. Dalam upacara buka panggung, tiga batang lilin dihidupkan di atas kain putih, kemenyan dibakar dan jampi serapah pun dibaca. Beras putih ditabur di sekitar panggung dengan diikuti bunyi muzik yang dibunyikan serentak (Mohd Fadli, 2011).

e. Dikir Barat

Dikir Barat adalah suatu permainan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Ia wujud dalam kalangan masyarakat biasa di kampung-kampung dan pinggir bandar. Dalam persembahan dikir Barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang Tukang Karut dan Tok Juara. Tukang karut merupakan orang yang paling penting dalam satu-satu pasukan dikir barat. Tugas Tukang Karut yang paling penting sekali ialah berpantun dan bersyair. Pantun-pantun dan syair itu didendangkan dengan cara spontan mengikut selernya. Maka idea-idea, isi-isi puisi itu, bahasa dan persoalan yang dikemukakan tanpa berfikir dua kali.

Tok Juara pula merupakan orang kedua penting dalam satu pasukan Dikir Barat. Tugasnya ialah berdikir sebelum Tukang Karut mengarut. Hanya kadangkala Tok Juara juga terpaksa mengarut iaitu di waktu Tukang Karut belum tiba (biasanya di awal permainan), tetapi masanya tidaklah lama. Tok Juara berdikir sambil duduk di sepanjang permainan, tetapi Tukang karut berdendang sambil berdiri. Mereka akan mengarut sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan memainkan alat-alat muzik seperti gong, gendang dan serunai. Dikir Barat ini boleh dipersembahkan sebagai hiburan ataupun dipertandingkan. Permainan ini biasanya dimainkan oleh masyarakat di musim menuai padi dan juga di majlis perkahwinan (Muhamad Ibrahim, 1977). Pertandingan selalunya diadakan oleh persatuan-persatuan belia tempatan, badan-badan kerajaan ataupun orang-orang tertentu untuk mengutip wang. Dikir Barat adalah permainan yang baru jika dibandingkan dengan teater tradisional yang lain. Perkembangan dikir Barat cukup pesat kerana ia sering menerima perubahan dari segi bentuk persembahannya dari masa ke semasa mengikut perkembangan zaman (Mohd Fadli, 2011).

Polisi Kerajaan Kelantan Terhadap Kesenian Dari Tahun 1990 Hingga 2015

Apabila PAS mengambil alih pemerintahan Kelantan, beberapa perubahan dalam dasar kerajaan Kelantan telah dibuat terutama dalam bidang kesenian dan pelancongan. Antara tindakan kerajaan PAS dalam membangunkan semua bidang kesenian di Kelantan ialah dengan mewujudkan dasar kesenian Kelantan.

Bagi menyelamatkan masyarakat Islam di negeri Kelantan khasnya dan umat Islam di seluruh Malaysia amnya, dari terlibat dengan amalan yang mengandungi khurafat dan syirik, kerajaan Kelantan menggubal Dasar Kesenian Kelantan supaya selari dengan kehendak syarak. Dasar ini juga bernaung di bawah Dasar Membangun Bersama Islam sebagaimana dasar-dasar lain. Dasar Kesenian perlu digubal di negeri Kelantan kerana (Kamaruzzaman Yusuf & Wan Abdul Rahman, 2011):

- i. Kesenian adalah satu cabang dari aktiviti kehidupan manusia dan perjalanannya perlu diiktiraf oleh Islam kerana ia memainkan peranan lebih besar dan menyeluruh dan bukan sebaliknya.
- ii. Keindahan Kesenian dan penghayatan seharusnya membawa manusia mengenal kehebatan dan keagungan Allah bukan bertujuan untuk memenuhi kehendak nafsu sahaja.
- iii. Penghayatan terhadap keindahan kesenian perlu mematuhi satu peraturan yang selari dengan kehendak syariah iaitu tidak berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan.
- iv. Amalan Kesenian yang bercanggah dengan syariat perlu dihapuskan
- v. Kebudayaan dan kesenian perlu dijadikan sebagai instrumen dakwah khususnya dalam menyelesaikan gejala sosial dalam kalangan remaja.
- vi. Dapat mendokong cita-cita untuk membentuk dan membangun manusia ke arah kebenaran dan keadilan yang berasaskan kepada prinsip al-Quran dan al-Sunnah.

Pihak kerajaan Kelantan telah menggariskan beberapa matlamat utama dalam Dasar Kesenian Negeri Kelantan supaya tidak berlawanan dengan syariat Islam, antaranya (Pusat Kajian Strategik, 2005):

- i. Melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah melalui Kesenian sebagai wadah pengantaraan.
- ii. Memulihara, menyelaraskan dan mengekalkan warisan budaya bangsa yang tidak bercanggah dengan Islam.
- iii. Membangunkan ummah yang cintakan seni dan budaya yang berasaskan Islam.
- iv. Menjadikan produk budaya yang boleh menjana sumber ekonomi rakyat.
- v. Sebagai satu wadah untuk menangani masalah sosial, integrasi kaum dan penggalak sektor pelancongan.

Kerajaan Kelantan juga telah memasukkan beberapa prinsip utama dalam Dasar Kesenian Negeri Kelantan yang digubal agar aktiviti tersebut tidak terkeluar dari landasan Islam. Antara prinsip tersebut ialah (Pusat Kajian Strategik, 2005):

- i. Kesenian mestilah berlandaskan Islam bermula dengan niat, jenis ekspresi dan tujuan menuju ke arah mencapai keredaan Allah.
- ii. Kesenian sama ada dari dalam atau luar negeri, boleh diterima pakai asalkan selari dan selaras dengan prinsip Islam.
- iii. Kesenian lain yang bukan berasaskan prinsip Islam boleh diamalkan oleh sesuatu kaum dengan syarat tidak disertai oleh orang Islam.
- iv. Semua perancangan dan pelaksanaan projek mestilah berasaskan ciri-ciri kesenian tempatan yang selari dengan Islam.
- v. Wanita dan lelaki hendaklah diasingkan dalam sebarang kegiatan kesenian. Wanita tidak boleh dijadikan sebagai alat tontonan lelaki.
- vi. Amalan-amalan yang bercanggah dengan syarak dalam aktiviti kesenian mestilah dihapuskan dan digantikan dengan amalan yang sesuai dengan kehendak agama.

Pelaksanaan Dasar Kesenian di Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2015

Apabila Parti Islam SeMalaysia (PAS) memerintah Kelantan, maka banyaklah dasar, enakmen dan surat-surat pekeliling pentadbiran diwujudkan supaya cita-cita politiknya untuk menjadikan Islam Sebagai ad-din tercapai. Kerajaan PAS Kelantan juga cuba melaksanakan apa yang telah diluluskan sama ada di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), EXCO dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara usaha utama kerajaan negeri untuk mencapainya ialah dengan melakukan perubahan terhadap bidang Kesenian di Kelantan. Antara perubahan yang dilakukan ialah:

a. Kuat kuasa Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998

Kota Bharu merupakan pusat bandar dan merupakan tempat tumpuan pelancong ke Kelantan. Malah setiap pembaharuan yang dilakukan di Kelantan kebanyakannya tertumpu di Kota Bharu. Memandangkan kepada kepentingan Bandar Kota Bharu menjadi sebagai pusat pentadbiran dan pusat perubahan di Kelantan, maka Kerajaan Kelantan telah mengisytiharkan Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam pada 2005 (Abdul Aziz, 1996). Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) merupakan salah satu kawasan yang banyak terlibat dalam melaksanakan Dasar Kesenian di Kelantan. Dengan demikian, pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) juga berdasarkan kepada Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (hiburan) di negeri Kelantan 1998. MPKB-BRI mengadakan beberapa syarat sebelum sesuatu persembahan kesenian diluluskan.

b. Syarat-syarat Permohonan Lesen Hiburan Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI)

Untuk mengadakan sebarang hiburan dalam kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) seseorang atau agensi itu mestilah mengetahui tentang syarat-syarat kelulusan lesen hiburan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Syarat-syarat yang ditetapkan ini adalah sama dengan syarat-syarat yang ditetapkan di tempat-tempat lain. Antara

syarat-syarat tersebut termasuklah:

- i. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti hiburan diadakan pada hari Khamis (malam Jumaat) daripada jam 6.00 petang hingga 6.00 petang Jumaat.
- ii. Program hendaklah bermula jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang dan tidak mengganggu perjalanan ibadat solat bagi umat Islam yang berhampiran.
- iii. Program hiburan hendaklah diberhentikan setiap kali masuk waktu solat.
- iv. Persembahan hiburan lain adalah tidak dibenarkan kecuali program yang dinyatakan sahaja.
- v. Program hiburan pada sebelah malam hendaklah bermula selepas Isyak.
- vi. Penganjur hendaklah mengemukakan “public Liability insurance”.
- vii. Tidak ada unsur perjudian atau yang berunsur judi hendaklah dibuang.
- viii. Penampilan peserta yang mengambil bahagian hendaklah menutup aurat bagi orang Islam dan berpakaian sopan bagi yang bukan beragama Islam.
- ix. Hanya nama yang tercatat dalam permohonan sahaja yang dibenarkan mengambil bahagian dalam persembahan.
- x. Sebarang pertunjukan dan bunyi-bunyi muzik hendaklah tidak terlalu kuat dan tidak mengganggu ketenteraman kawasan sekitar.
- xi. Tempat duduk penonton hendaklah dibuat berasingan di antara lelaki dan perempuan.
- xii. Menjaga kebersihan di dalam dan di luar kawasan persembahan.
- xiii. Hendaklah membuat kawalan lalu lintas supaya tidak menimbulkan gangguan kepada orang ramai.
- xiv. Penganjur bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta dan penonton yang menyaksikan persembahan.
- xv. Mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak polis dan pegawai MPKB-BRI.
- xvi. Majlis boleh membatalkan kelulusan ini tanpa memberikan apa-apa sebab pembatalan itu.
- xvii. Majlis berhak menambah atau membatalkan syarat-syarat di atas.

Contoh Pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998

Kerajaan Kelantan telah meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) Negeri Kelantan untuk mengawal segala bentuk persembahan hiburan di Kelantan. Di samping itu ia bertujuan untuk memberi panduan kepada para pegawai pelesenan dalam memberi kelulusan ke atas sebarang permohonan untuk mengadakan sesuatu persembahan hiburan di negeri Kelantan.

a. Konsert Tautan Kasih

Kerajaan Kelantan telah mengadakan konsep ‘Tautan Kasih’ di Padang Perdana pada 30 September 2005. Program hiburan ini membabitkan persembahan nyanyian oleh bintang Akademi Fantasia 3 (AF3), Asmawi Ani atau Mawi sempena perisytiharan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) 1 Oktober 2005. Program tersebut turut melibatkan artis-artis lain termasuk Akil Hayy Rawa, kumpulan

nasyid Mestica dan Ustaz Abdul Aziz Che Min. Mawi juga telah dilantik menjadi bilal melaungkan azan untuk sembahyang Isyak berjemaah sebelum persembahan dijalankan (Berita Harian, 2005, 15 September).

b. **Konsert Jom Heboh**

Konsert Jom Heboh telah diadakan di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, pada 26 dan 27 Mac 2010. Ini merupakan Konsert Jom Heboh yang pertama dalam sejarah TV3 kerana dapat mengadakan konsert tersebut di Kelantan. Menurut pegawai khas kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Nasruddin Mahmud Muhaidin pihak penganjur telah memberi jaminan akan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan kerajaan negeri iaitu Enakmen Kawalan Hiburan Negeri Kelantan sepanjang konsert tersebut. Antara peraturan yang ditetapkan kerajaan negeri mengasingkan penonton lelaki dan perempuan dan tiada penyanyi wanita dibenarkan buat persembahan. Antara para artis yang terlibat dalam persembahan pada karnival tersebut ialah Kumpulan Raihan, Yassin (bekas kumpulan nasyid Brothers), Jamal Abdillah, Jay Jay dan artis dikir barat tersohor di negeri Kelantan iaitu Megat Nordin. Konsert ini juga telah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan Kelantan seperti mengambil kira batasan susila, adat istiadat, dan ajaran agama Islam. Di samping itu, pihak penganjur juga menyediakan sebuah khemah besar yang dinamakan sebagai Kota Ilmu untuk dijadikan tempat solat dan pameran Program Jejak Rasul.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Media Prima, Dato' Sri Ahmad Farid Ridzuan, pihaknya bercadang untuk menjadikan konsert Jom Heboh di Kota Bharu sebagai model bagi konsert seterusnya di negeri-negeri lain selepas ini. Beliau sendiri melahirkan rasa kagumnya atas sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat Kelantan. Malah Dato' Sri Ahmad Farid secara jujur mengakui Kelantan adalah negeri begitu berjaya bagi penganjuran program Jom Heboh yang diadakan selama dua hari bermula 26 hingga 27 Mac lalu. Dengan ini secara tidak langsung pihak TV3 juga telah mempromosikan Dasar Membangun Bersama Islam dan konsep dakwah yang dilakukan oleh kerajaan Negeri Kelantan.

c. **Menutup Kelab Malam Dan Panggung Wayang Di Kelantan**

Pada tahun 1993 pihak berkuasa negeri Kelantan menerusi MPKB-BRI tidak lagi memberi lesen kepada pengusaha-pengusaha kelab malam. Antara faktor utama Lesen Hiburan Kelab Malam tidak diberikan kerana kebanyakan perniagaan kelab malam itu melanggar syarat-syarat persembahan yang ditetapkan seperti tempatnya gelap, penonton turut sama dalam tari menari, pergaulan bebas, pelanggan perempuan dan penyanyinya berpakaian seksi serta ia beroperasi hingga melebihi pukul 12.00 malam. Selain dari itu, kelab-kelab malam juga biasanya mengandungi aktiviti minum arak. Semua kegiatan ini adalah merosakkan akhlak masyarakat Kelantan, khususnya muda-mudi. Oleh kerana ia merupakan pusat maksiat, maka kerajaan Kelantan mengeluarkan arahan supaya ia ditutup.

ANALISIS PELAKSANAAN SIASAH SYAR'IYYAH DALAM PELAKSANAAN DASAR KESENIAN

Berdasar takrif siasah syar'iyya yang dikemukakan oleh Ibnu 'Aqil, Ibnu Najim, Ibnu Khaldun dan 'Abd. al-Wahab al-Khallaf dan beberapa contoh pembaharuan, penulis mendapati kerajaan Kelantan telah melaksanakan siasah syar'iyyah, malah melakukan beberapa ijihad sebelum melancarkan sesuatu program atau pembaharuan supaya ia memberi manfaat, kemudahan, kesenangan dan keselesaan kepada rakyat Kelantan. Berdasarkan kepada tindakan dan pembaharuan yang dilakukan kerajaan Kelantan, penulis mendapati ia juga turut mengaplikasikan dua kaedah feqhiyyah yang berikut (Ibn 'Ashur, 1998):

تصرف الامام منوط على الملحة

Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah berdasarkan masalah

درء المفسدأولى من جلب المصلح

Menolak kerosakan diutamakan dari menarik kebaikan.

Kerajaan Kelantan mengambil peluang dengan kuasa yang ada untuk berdakwah ummah ke arah mendekati diri kepada Allah. Perkara ini bertepatan dengan pandangan al-Mawardi yang menyatakan tugas kepimpinan (al-imamah) ialah اقامة الدين وسياسة الدين به (al-Mawardi, 1973) menjaga agama dan menjaga pentadbiran (siasah) dunia dengannya. Begitu juga dengan pandangan Ibnu Khaldun sebagai memikul tanggungjawab mengikut ketentuan syarak bagi menjaga kemaslahatan mereka di dunia dan akhirat (Ibn Khaldun, t.th). Berdasar kepada program-program pembaharuan dalam bidang kesenian secara khususnya, maka jelaslah berlaku aplikasi siasah syar'iyyah dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan bermula dari tahun 1990 dan pelaksanaannya juga meliputi bidang kesenian.

Untuk mengawal bidang kebudayaan, hiburan dan kesenian supaya tidak melanggar batas-batas agama Islam dan adat masyarakat setempat, maka kerajaan Kelantan menggubal Dasar Kesenian Negeri Kelantan pada tahun 1998. Hasil pemerhatian penulis terhadap matlamat, prinsip dan garis panduan pelaksanaan, mendapati dasar tersebut dibina berdasarkan konsep amar makruf dan nahi mungkar dengan mengutamakan masalah dan menghapuskan mafsadah (Mohamed Anwar Omar Din, 2011). Ini menunjukkan kesenian juga merupakan suatu medan untuk menyampaikan dakwah. Perkara ini dinyatakan dalam dasar tersebut sebagaimana berikut: "Seni dalam Islam bertujuan untuk mencapai mesej dakwah bukan semata-mata untuk hiburan hingga boleh menghilangkan ingatan kepada Allah atau melalaikan hingga menggoyangkan jiwa manusia (Pusat Kajian Strategik, 2005).

Selain dari sebagai instrumen dakwah, bidang kesenian juga boleh dijadikan sebagai alat untuk mengatasi keruntuhan gejala sosial dalam masyarakat di Kelantan. Ini menggambarkan kesenian boleh digunakan untuk kebaikan masyarakat seperti dinyatakan dalam dasar tersebut: "membantu perkembangan kesenian yang boleh membantu penyelesaian

masalah sosial melalui kegiatan kesenian seperti ceramah budaya, pendidikan dan dakwah, kerja gotong-royong dan perjumpaan muhibah antara kaum” (Pusat Kajian Strategik, 2005).

Berdasarkan konsep amar makruf dan nahi mungkar ini kerajaan Kelantan mengambil pendekatan dengan menambah, melindungi dan mencegah terhadap kesenian yang diamalkan. Ini merupakan usaha supaya amalan kesenian di Kelantan ini dapat patuh kepada maqasid syariah dan membetulkan persepsi masyarakat terhadap kesenian. Antara tindakan yang dilakukan kerajaan Kelantan termasuklah (Mohamed Anwar Omar Din, 2011):

- a. Mengadakan peraturan-peraturan untuk mengawal unsur-unsur negatif dan bertentangan Dengan Syariat

Selain daripada mewujudkan Dasar Kesenian, kerajaan Kelantan juga turut menyediakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan garis panduan persembahan kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998 supaya amalan kebudayaan dan kesenian di Kelantan dapat diselarakan dengan Dasar Membangun Bersama Islam di samping tidak melanggar syariat Allah. Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998 adalah dilulus serentak dalam persidangan DUN Kelantan pada 29 Oktober 1998. Enakmen ini tidak membatalkan jenis-jenis hiburan sama ada tradisional atau moden. Ia meliputi kesemua jenis hiburan, permainan, pameran, pertunjukan, pesta dan pertandingan yang terdapat di negeri Kelantan (Jadual (Seksyen 1). Penggubalan enakmen dan garis panduan persembahan kebudayaan (hiburan) tadi bermula pada tahun 1996 lagi (Mohamed Anwar Omar Din, 2011). Untuk memantapkan lagi pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, maka kerajaan negeri Kelantan sekali lagi mengeluarkan satu Pekeliling Am Negeri Bil.4 Tahun 2003 tentang Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan maksud, jenis dan kelas hiburan di bawah Kawalan Kerajaan Negeri berdasarkan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 sebagai panduan kepada pegawai pelesenan hiburan, agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, penggiat hiburan dan orang awam.

- b. Mengawal Amalan Tradisional Dan Mengarahkan Pembersihan Dari Unsur Syirik

Antara usaha untuk mengawal dan menghapuskan amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam seperti memuja roh, jin dan khurafat seperti yang berlaku dalam persembahan main puteri, mak yong dan wayang kulit. Pihak kerajaan Kelantan juga mengesyorkan supaya persembahan tradisional tersebut diganti dengan amalan yang sesuai dengan kehendak agama Islam seumpama melakonkan watak-watak pahlawan Melayu dan Islam yang lain. Dato' Nik Abdul Aziz (2005) sendiri pernah menyebut: “Sebab itu walaupun wayang kulit menjadi benda yang paling diberahi (disukai) oleh masyarakat Kelantan tetapi sebab benda ini tidak betul, kita kejam (pejam) mata rapat (nekad), Bismillahirrahmanirahim aku hendak beritahu kepada rakyat Kelantan, bo(cukup / berhenti) wayang kulit. Kerana benda ini tidak ada untung sedikit pun bagi orang Melayu dan bagi orang Islam, hanya tambah khayal”.

Usaha menyekat amalan khurafat dan syirik dalam amalan tradisional merupakan sebahagian daripada peranan dan tugas kerajaan negeri dalam menjaga agama dan masalah

rakyat dari perkara yang boleh merosakkan akidah ummah dan Islam. Tindakan ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW. yang berbunyi: Sesiapa yang melihat kemungkarannya dari kalangan kamu maka dia hendaklah dia mencegahnya dengan tangan (kuasa) sekiranya tidak mampu (dengan kuasa) maka hendaklah mencegahnya dengan lidah (nasihat) dan sekiranya tidak mampu juga (nasihat) maka hendaklah dia mencegahnya dengan hati. Demikian itu adalah selemah-lemah iman (al-Nawawi, 2005).

Kerajaan Kelantan telah melarang persembahan mak yong, menora dan main puteri kerana berunsurkan fahaman Hindu serta menjadikan perempuan sebagai tontonan umum. Persembahan wayang kulit juga pada awalnya diharamkan kerana berunsurkan fahaman Hindu, mintos dan khayalan. Namun akhirnya ia dibenarkan juga kerana Tok Dalang sanggup dan bersetuju untuk mengubah seni kata kepada berbentuk nasihat dan mendokong dasar-dasar yang diperjuangkan oleh kerajaan negeri. Begitu yang berlaku kepada dikir barat, kelonggarannya adalah berdasarkan kepada kepatuhan Enakmen Kawalan Hiburan 1998. Kelonggaran yang diberikan kepada pengiat-pengiat seni menunjukkan kerajaan Kelantan masih terbuka terhadap hiburan tradisional. Apa yang perlu dijelaskan di sini ialah mana-mana hiburan yang tidak melalaikan (dari mengingati Allah), tidak mempunyai unsur syirik dan tidak melibatkan artis wanita akan dipertimbangkan oleh kerajaan negeri. Ini sekali gus menafikan pandangan yang mengatakan kerajaan Kelantan mengamalkan sikap anti kesenian dan hiburan.

c. Memberi Nilai Baru Terhadap Kesenian Yang Bersifat Neutral

Di Kelantan banyak sosiobudaya yang bersifat neutral agama iaitu dari satu sisi tidak bercanggah dengan Islam tetapi dari segi yang lain tidak pula jelas mempunyai nilai, hala tuju dan matlamat. Antara contohnya ialah dikir barat, tarik selampit, permainan wau, gasing, kraf dan batik. Kesemua permainan ini tidak bertentangan dengan Islam. Dengan itu kerajaan Kelantan berusaha menjadikannya sebagai kesenian Islam dan ruangan untuk menyampaikan dakwah. Sebagaimana yang dilakukan terhadap dikir barat dengan menubuhkan Dikir Barat Sri Halaqat. Dikir barat ini dijadikan saluran untuk menyampai dakwah kepada masyarakat Kelantan. Ia juga sering dijemput untuk membuat persembahan di negeri-negeri lain.

d. Menanggihkan Lesen Persembahan Bagi Kesenian Yang Belum Diubahsuai

Kesenian tradisional Kelantan seperti makyung masih lagi mempunyai unsur-unsur syirik. Sebelum pertunjukan makyung biasanya diadakan upacara mengadap rebab dan menurun. Watak utama dalam mak yong ialah seorang wanita dan disertai dengan kumpulan penari dari kalangan kaum wanita. Oleh kerana belum ada undang-undang (enakmen) atau peraturan khusus di bawah kerajaan Kelantan atau Majlis Agama Islam Kelantan yang melarang perbuatan tersebut, maka kerajaan mengambil langkah menanggihkan dahulu lesen persembahan hiburan tersebut sehingga unsur-unsur negatifnya diubahsuai dan dipersucikan terlebih dahulu. Dalam peraturan kawalan ada menyebut “jenis persembahan masih belum dibolehkan diberikan lesen sehingga unsur-unsur bertentangan Islam diharamkan”. Walau bagaimanapun kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan ulama masih menggunakan kesenian ini ketika mereka mengadakan sesuatu majlis tetapi setelah diubahsuai mengikut Enakmen Kawalan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan (hiburan) 1998

seperti dikir barat. Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) pun mempunyai kumpulan dikir baratnya sendiri (Shamsuddin Othman, 2013).

PENUTUP

Dasar “Membangun Bersama Islam” yang menjadi penangung kepada dasar-dasar lain terutama dasar kesenian memberi kesan yang sangat besar terhadap bidang sosial dan kesenian Islam di Kelantan. Dua bidang ini merupakan aspek yang penting dalam kehidupan rakyat Kelantan. Ini menunjukkan bahawa dasar “Membangun Bersama Islam” sendiri mengandungi unsur-unsur siasah syar‘iyyah iaitu melakukan kebaikan untuk rakyat di samping mencegah mereka daripada perkara mungkar. Dasar Kesenian ini secara tidak langsung berjaya menyerapkan persekitaran sosial dan budaya Islam dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Oleh kerana kesenian sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia, maka tidak hairanlah kerajaan Kelantan mengadakan beberapa peraturan terhadap aktiviti kesenian supaya ia tidak terkeluar dari kehendak Islam. Tindakan kerajaan Kelantan ini dilihat sebagai melaksanakan amanah Allah iaitu menyelamatkan akidah umat Islam dari perkara syirik dan khurafat. Ia dikenali sebagai menjaga maqasid shariah.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Wahab Khallaf. (1987). *As-Siyasah al-Syar‘iyyah wa Nizam al-Daulah al-Islamiyyah fi al-Syu’un al-Dustuniyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Abd. al-Rahman Ibu Khaldun. (t.t). *al-Muqadimmah*. Beirut: Dar al- Khaldun.
- A.S. Hardy Shafii. (2004). Pengurusan Pementasan Teater Komersil Mak Yong di Kelantan, 1950an dan 1960 an. *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse*, 3, 31-60.
- Abdul Rahman Abdullah. (2006). *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*, Selangor: Karisma Publications.
- Abdul Aziz Ahmad. (1996). *Kota Bharu Kota Budaya: Peranan Kerajaan Negeri Kelantan Dalam Merealisasikannya*. Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Alwi Haji Hassan. (1996). *The Administration of Law in Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusof & Awerman Bidin. (2008). Perkembangan Seni Muzik Dalam Peradaban Islam di Nusantara. *Journal of Al-Tamadun*, 3, 48-67.
- Alias Muhamad. (1977). *Intelijensia Melayu Kelantan*. Kota Bharu, Kelantan, Kuala Lumpur: Publisher.
- Amin Sweeney. (1994). *Malay Word Music a Celebration of Oral Creativity*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin. (1991). *Religion and Society Among the Indigenous People of Malay Peninsula*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Muhamad. (1984). *Gerakan Sosial Dan Politik Kelantan*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House.
- al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya Syarah. (2005). *Sahih Muslim*, Beirut: Dar al-Khir.

- al-Mawardi. (1973). *al-Ahkam al-Sultaniah wa al-Wilayat al-Diniayah*, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladiah.
- Anuar Din. (2008). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Buletin Unit Penerangan Kerajaan Negeri (UPKN), April 2003.
- Pusat Kajian Strategik. 2005. *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darul naim*. (2005). Kelantan: Pusat Kajian Strategik.
- Dinsman (Shamsudin Othman). (2013). *Kelantan 22 Tahun Bukti Kejayaan*, Kuala Lumpur: Kaab Enterprise.
- Ghulan Sarwar Yousof. (1999). *Angin Wayang: Bibliografi Dalang Wayang Kulit Yang Unggul*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Hassan Othman. (2004). *Wayang Gedek Warisan Kesenian Melayu*, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Ibn 'Abidin. (1996). *Hasyiah Radd al-Muhtar 'Ala al-Durr al-Mukhtar*. Juz 4 Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Qayyim, 'Abu Abdullah Muhammad ibn Abi Bakr. (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar`yyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Taymiyyah, Taqiuddin Ibn Ahmad. (1988). *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyyah*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Manzur, Muhammad b. Jalal al-Din. (1967). *Lisan al- 'Arab*, Jld.6. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Nujaim, Zainuddin Ibn Nujaim. (t.t). *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. Juz 5. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Ibn' Ashur. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah, (Sunt). Muhammad al-Tahir al-Misawi, al-Bashir li al-Intaj al- 'Ilmi*. Cetakan Pertama Beirut: Dar al-Salam.
- Ibn Farhun, Ibrahim Syamsuddin. (1301H). *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al- 'Aqdiah wa al-Ahkam*. Juz 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jaburi, 'Abd Malik 'Abd Mujid Bakr al-. (2008). *al-'alaqah Bina al-Siasah al-Syar'iyyah wa maqasid al-Syariah dalam Majalah Jamiah Takrik lil 'ulum al-Islamiyyah*. Bil. 6.
- Khaldun, 'Abd. al-Rahman Ibu. (t.t). *al-Muqadimmah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Khallaf, 'Abd al-Wahab al-. (1987). *As-Siyasah al-Syar'iyyah wa Nizam al-Daulah al-Islamiyyah fi al-Syu'un al-Dustuniyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah. Kamus Dewan. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fadli Ghani (ed). (2011). *Dua Dekat Kelantan Membangun Bersama Islam*, Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.
- Mohd. Ghouse Nasruddin. (1994). *Tarian Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1995). *Islam Boleh*. Nilam Puri: Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah.
- Nik Mohamed Mohd Salleh. (1985). *Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan*, dalam *Warisan Kelantan IV*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Robert L. Winzeler .(1985). *Ethnic Relations in Kelantan: A Study of the Chinese and Thai as Ethnic Minofities in a Kelantan State*. Singapore: Oxford Universiti Press.
- Shukeri Mohamad. (2009). "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar`iyyah

- Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan". Tesis Doktorial yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Sidi Gazalba. (1983). *Pandangan Islam Tentang Seni*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan. (2005). *Tamadun Dunia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Teew, A. dan Wyatt D.K. (1970). *The Storry of Patani*, Bibliotheca Indonesia. Vol.5. The Hague: Martinus Nijhoft.
- Tylor, E.B. (1958). *Religion in Primitive Culture*, New York: Harper Torchbook.
- Watson, G.Llewellyn. (1982). *Social Theory and critical understanding*, University Press of Amerika.
- Wagner, Frits A. (1959). *Indonesia: The Arts of an Island Group*, Methuen: London.
- Wan Ismail Wan Jusoh. (1999). *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Nik Mat*, Kota Bharu: Dian Daru naim.
- Wan Zahidi Wan Teh. (2002). *Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Pentadbiran Kerajaan*, JAKIM.
- Wan Zahidi Wan Teh. (2002). *Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Pentadbiran Kerajaan*, Kuala Lumpur: JAKIM.
- William R.Roff (ed). (1974). *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.